

30/08/2000

Barat tidak adil terjemah globalisasi

Kadir Dikoh; Azli Ayob

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar negara Barat kerana bersikap tidak adil dalam menterjemahkan erti sebenar globalisasi sehingga memeritkan lagi keadaan negara miskin.

Perdana Menteri berkata, perkara itu terbukti kerana sepanjang pengetahuannya, tiada sebarang forum pernah diadakan untuk membincangkan perkara itu tetapi orang ramai sentiasa diwarwarkan mengenai kedatangan globalisasi.

"Mereka (masyarakat Barat) menganggap globalisasi sebagai pergerakan bebas modal serta pelaburan, yang bermakna yang kaya boleh memasuki negara miskin yang tidak mempunyai modal.

"Mereka mentafsirkan globalisasi untuk faedah diri mereka saja, iaitu apabila wujud peluang bagi mereka mencari keuntungan.

"Sepatutnya, konsep globalisasi adalah untuk kebaikan dan keuntungan semua," katanya pada majlis dialog selepas menyampaikan ucap tama pada hari kedua persidangan "Bank Pusat dan Pertumbuhan Mapan di Abad Ke-21," anjuran Bank Negara, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, setiap orang harus terbabit dalam menterjemah erti dan bentuk sebenar globalisasi yang mesti diterima.

Beliau menyarankan semua pihak terbabit berbincang mengenai bentuk globalisasi yang sepatutnya dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan setiap orang.

"Kita boleh berkongsi kepakaran dan pengetahuan. Sudah tentu kita akan mendapat bahagian yang kecil tetapi semua akan menikmatinya, bukan sebelah pihak saja.

"Malah, kita boleh membekalkan tenaga kerja yang juga boleh menguntungkan negara maju. Sebenarnya, dunia ini kaya dan penduduknya berupaya mendapat kekayaan, bukan menjadikan kekayaan milik satu pihak sahaja," katanya.

Malah, katanya, memakmurkan negara jiran turut membawa kebaikan kerana ia akan membawa kemajuan pelbagai hala.

Bagaimanapun katanya, krisis ekonomi serantau pada 1997 dan 1998 yang disebabkan oleh penyangak mata wang mengakibatkan ekonomi Malaysia umpamanya, yang dibangunkan dengan pesat selama lebih 43 tahun, musnah dalam masa hanya dua minggu.

"Anda (penyangak mata wang) memusnahkan kekayaan untuk mendapat sebahagian kecil keuntungan untuk diri sendiri. Semua ini membimbangkan negara miskin seperti Malaysia.

"Oleh itu, dalam soal globalisasi kita perlu duduk dan berbincang mengenainya supaya faedahnya boleh dinikmati bersama," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia bukan tidak sukakan rakyat asing, malah menjemput mereka untuk terus melabur di negara ini, termasuk di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak mahu kemasukan pelaburan jangka pendek, iaitu golongan yang hanya mahu mengaut keuntungan seperti penyangak mata wang.

"Kita bersikap terbuka dan mahu kedatangan pelaburan (tulen). MSC umpamanya adalah tempat menarik bagi mereka dalam industri teknologi maklumat dan di situ kita mensasarkan untuk menarik 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003, yang kini jumlahnya sudah menjangkau 37 syarikat," katanya.

Menjawab pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata etika perniagaan perlu

dipatuhi oleh mereka yang ingin berjaya dalam bidang yang diceburi serta harus jujur supaya pelanggan tidak lari.

Katanya, banyak perniagaan rugi apabila pengusahanya gagal untuk memahami kehendak pelanggan dan usaha perlu dilakukan supaya ikatan peniaga-pelanggan kekal dalam jangka masa panjang.

(END)